



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

**'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'
'PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA'**

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : IPK.SEL.BK.20684/135(20)

Tarikh : 12 November 2010

Semua Ketua Jabatan Negeri Selangor

Semua Ketua Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong
Setiausaha,
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.B. Dato'/Y.A.D. Dato' Setia/
Y.Bhg. Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan,

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BILANGAN 4 TAHUN 2010

DASAR KESELAMATAN ICT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Berikut dilampirkan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 3 Tahun 2010 berkenaan perkara di atas. Sebagai tambahan, salinan lembut (*softcopy*) Pekeliling ini boleh dimuat turun di Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Justeru, YB Dato' / YAD Dato' Setia / YBhg Dato/ Datin Paduka / Tuan /Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian tentang butiran keseluruhan yang terkandung pada Pekeliling tersebut. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi **Tuan Haji Wahilman bin Siwar di talian 03-55447551 atau Puan Fauziah bt Mat Elah di talian 03-55447552**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)

s.k

- YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- YB Penasihat Undang-undang Negeri Selangor
- YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)
- Fail Timbul



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 4 TAHUN 2010**

**DASAR KESELAMATAN ICT
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR VERSI 1.0**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan dan menghebahkan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor serta perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan oleh jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

LATAR BELAKANG

2. Penggunaan ICT yang meluas di seluruh pentadbiran negeri tidak terlepas daripada pelbagai bentuk ancaman, pencerobohan dan lain-lain jenayah *cyber* terhadap aset ICT yang telah dibangunkan oleh jabatan/agensi.

3. Dasar Keselamatan ICT (DKICT) merupakan usaha dan langkah-langkah bagi menjamin keselamatan ICT Kerajaan Negeri Selangor secara menyeluruh daripada ancaman-ancaman yang dimaksudkan di atas dan sekaligus melindungi aset ICT Kerajaan Negeri. Justeru, adalah amat penting supaya Dasar Keselamatan ICT (DKICT), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini dikuatkuasakan.

4. Tambahan pula, perkara ini adalah selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2000 bertajuk “**Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kerajaan**” yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

KANDUNGAN DASAR

5. Dasar Keselamatan ICT (DKCIT) yang disediakan ini meliputi perkara-perkara berikut:-

Bidang 01 : Pembangunan Dan Penyelenggaraan Dasar

Bidang 02 : Organisasi Keselamatan

Bidang 03 : Pengurusan Aset

Bidang 04 : Keselamatan Sumber Manusia

Bidang 05 : Keselamatan Fizikal Dan Persekitaran

Bidang 06 : Pengurusan Operasi Dan Komunikasi

Bidang 07 : Kawalan Capaian

Bidang 08 : Perolehan, Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem

Bidang 09 : Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan

Bidang 10 : Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan

Bidang 11 : Pematuhan

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

6. Setiap Ketua Jabatan adalah dikehendaki mematuhi dasar ini dan melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan. Dalam kata lain, semua Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan berikut:-

- a. Memastikan semua pegawai dan staf memahami keperluan standard, garis panduan, prosedur, dan langkah keselamatan yang ditetapkan di bawah Dasar Keselamatan ICT ini;
- b. Memastikan semua infrastruktur ICT menepati prinsip-prinsip keselamatan berpandukan DKICT dan Arahan Keselamatan yang disediakan oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan;
- c. Mengkaji semula semua dokumen infrastruktur keselamatan ICT bagi tujuan audit keselamatan ICT;
- d. Mengenalpasti bidang-bidang keselamatan ICT yang perlu diberi perhatian rapi dan mengambil tindakan segera mengatasinya; dan
- e. Memastikan tahap keselamatan ICT adalah terjamin setiap masa.

7. Pemantauan terhadap pematuhan Dasar Keselamatan ICT ini akan dilaksanakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dari semasa ke semasa berdasarkan perkara-perkara yang telah ditetapkan di atas.

TARIKH BERKUAT KUASA

8. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta-merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan. Dokumen penuh yang menerangkan dengan lebih lanjut

berkenaan DKICT ini boleh dimuat turun di Portal Kerajaan Negeri Selangor (<http://www.selangor.gov.my>) mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan;

PEMAKAIAN

9. Semua Jabatan Kerajaan Negeri termasuk Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk kepada Pekeliling ini. Manakala, pemakaian pekeling ini bagi Badan Berkanun Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor adalah tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

12 November 2010

Dikelilingkan kepada :-

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar, Yang Dipertua,
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor

Semua Anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Bahagian/Seksyen(Pegawai-pegawai Kanan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Salinan Kepada :-

YAB Dato' Menteri Besar Selangor

YB Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Kewangan Negeri Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)